

16. GARISPANDUAN PELAN 'AS BUILT'

Konsep pelan 'As Built' ini adalah untuk membolehkan pemaju meneruskan kerja-kerja pindaan kecil tanpa menunggu kelulusan pelan-pelan pindaan dan tanpa bayaran pelan 10 kali ganda serta bayaran kompaun RM0.50 skp./RM500.00 sehari dikenakan.

Jawatankuasa tersebut memperakukan pelan 'As Built' boleh dikemukakan di dalam keadaan berikut :-

1. Tidak melibatkan penukaran pada bilangan tingkat.
2. Tidak melibatkan penukaran ketumpatan dan/atau nisbah plot.
3. Tidak melibatkan penukaran rekabentuk unit dan pandangan luar bangunan. Walau bagaimanapun, perubahan pada bahagian tingkap, pintu, tempat menanam pokok, pelindung matahari, anak tangga, 'ramp' dan bumbung boleh dibenarkan kecuali bagi kawasan pemeliharaan.
4. Kerja-kerja tidak melibatkan tambahan kepada keluasan lantai.
5. Kerja-kerja pindaan hendaklah terhad kepada bahagian dalam bangunan sahaja.
6. Pembatalan dan/atau penambahan dinding-dinding dan penghalang-penghalang (partitions), penyusunan semula (relocation), bilik-bilik hanya dibenar dilakukan di tingkat yang sama sahaja.
7. Penyusunan semula (relocation) dan perubahan kepada bilik-bilik utiliti seperti bilik suiz, bilik pam, bilik PABX, bilik motor untuk lif, bilik AHU dan lain-lain. Bilik-bilik ini telah diluluskan tetapi mungkin perlu diubah dari segi keluasan, kedudukan dan sebagainya.
8. Pengubahsuaian kepada tembok dan pagar (tertakluk kepada kedudukan keluar-masuk tidak berubah), tempat menanam bunga dan taman berlanskap.

(Diluluskan pada 8.11.93 di MJTP&B bil.20/93)

(Diluluskan pada 28-6-79)